

Selasa, 9 Jun 2020 | 8:27am



Pemeriksaan ke atas bot dikendalikan suspek menemukan pelbagai jenis barang kawalan dipercayai cuba diseludup ke negara jiran Indonesia. NSTP/Ihsan PPM.

## Cuba seludup barang kawalan ke Indonesia

Oleh Abdul Rahemang Taiming  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

TAWAU: Pasukan Polis Marin (PPM) menggagalkan cubaan seorang lelaki yang disyaki cuba menyeludup keluar barang kawalan menerusi Ops Benteng COVID-19 di perairan CIQ Lama, di sini, semalam.

Pada kejadian jam 7.45 malam itu, sepasukan anggota PPM yang menjalankan tugas rondaan terserempak dengan sebuah bot dalam keadaan mencurigakan di kawasan berkenaan sebelum ditahan untuk pemeriksaan.

Pegawai Pemerintah, Markas Operasi PPM Wilayah Empat Tawau, Deputi Superintenden Mohd Nazari Ismail, berkata ketika diperiksa pihaknya menemukan pelbagai jenis barang kawalan dipercayai cuba diseludup ke negara jiran Indonesia.

"Turut ditemui dalam bot yang dikendalikan lelaki warga tempatan itu ialah gula pasir paket 1 kilogram (kg) keseluruhan berjumlah 204 kg, selain beberapa bungkus tepung jagung dan tepung pulut," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Nazari berkata, siasatan lanjut mendapati suspek gagal menunjukkan sebarang permit atau surat pembelian barang kawalan berjadual daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Jelasnya lagi, semua barang yang dirampas termasuk sebuah bot kayu bersama enjin sangkut 60 kuasa kuda (hp) jenis Yamaha dibawa ke Pangkalan PPM Tawau untuk tindakan lanjut.

"Jumlah keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM21,703.40 dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/06/698077/cuba-seludup-barang-kawalan-ke-indonesia>

